

Kolej PERMATA Insan USIM layak terima bantuan kerajaan

Bandar Baru Nilai: Kolej PERMATA Insan yang dibina di dalam kampus Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini, diterima menjadi Institusi Pendidikan Bantuan Kerajaan (IPBK), bulan lalu.

Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Musa Ahmad, berkata pihaknya menerima surat kelulusan dari Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan, Selasa lalu.

"Dengan kelulusan ini, Kolej PERMATA Insan USIM, layak menerima sumbangan modal dan

bantuan penuh bagi mengadakan serta menambah infrastruktur pembelajaran dan pengajaran termasuk bangunan dan perabot berkuat kuasa pada 25 Ogos lalu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis lawatan Penaung Program PERMATA, Datin Seri Rosmah Mansor, yang juga isteri Perdana Menteri di sini, semalam.

Lancar buletin bual bicara

Pada majlis itu, Rosmah melancarkan buletin bual bicara kolej

berkenaan yang dinamakan Abqari.

Yang turut hadir, Pengarah kolej itu, Dr Nik Salida Suhaila Nik Saleh, yang menyampaikan taklimat mengenai pencapaian pelajar.

Kolej PERMATA Insan adalah projek 'Sekolah dalam Kampus' yang unik dengan kurikulum ber-konsepkan integrasi ilmu naqli dan aqli dengan empat komponen penting, iaitu Modul Pintar al-Quran dan al-Sunnah, Modul Bahasa Arab, Modul Bahasa Inggeris dan Modul Pembangunan Insaniah.



Rosmah beramah mesra dengan pelajar Kolej PERMATA Insan ketika melawat kolej itu di USIM, Nilai, semalam.

[FOTO HAZREEN MOHAMAD/BH]